

VARSITI

BERITA

bhvarsiti@bh.com.my

Reaksi



Dengan bajet masing-masing, pelajar berpeluang membeli keperluan belajar dan diri mengikut kemampuan, sekali gus dapat menjimatkan duit perbelanjaan bulanan”

Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris,
Naib Canselor UPM



Pelajar disaran membabitkan diri dengan bidang keusahawanan, malah mereka turut disediakan tapak gerai jualan setiap kali penganjuran”

Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran,
Naib Canselor UPSI



[FOTO HIASAN]

Pembukaan Kedai Mahasiswa 1Malaysia akan membantu mahasiswa menjimatkan perbelanjaan.

Berbelanja mengikut kemampuan

Oleh **Faizatul Farhana Farush Khan**
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kewujudan kedai menjual barangan keperluan asas pada harga minimum adalah perlu bagi memberi lebih pilihan kepada mahasiswa berbelanja mengikut kemampuan.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata penjualan barangan keperluan asas pada harga rendah yang ditawarkan

kepada mahasiswa, membantu mereka menyediakan kelengkapan pembelajaran dan diri tanpa berhadapan masalah kewangan.

Katanya, mahasiswa boleh menentukan sendiri sama ada mahu mendapatkan barangan keperluan mereka di kedai luar kampus atau menerusi kedai di dalam kampus yang menawarkan harga dan kualiti berbeza.

“Saya melihat kewujudan kedai menjual barangan pelajar pada harga minimum amat baik bagi memastikan proses pembelajaran mereka berjalan lancar,” katanya ketika dihubungi *Varsiti*.

Bagi Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, penubuhan Kedai Mahasiswa 1Malaysia adalah usaha murni bagi membantu meringankan beban mahasiswa, terutamanya di universiti kawasan bandar.

Pantau harga

Namun, katanya, penubuhan itu harus diperhalusi secara mendalam membabitkan pelbagai aspek, termasuk penetapan harga, komitmen pelaksanaan dan kesesuaian keadaan sara hidup di universiti.

Beliau berkata, ketika

ini, keperluan penubuhan Kedai Mahasiswa 1Malaysia, seperti di UPSI tidak kritikal memandangkan universiti mempunyai satu jawatankuasa khas yang bertindak sentiasa memantau harga dikenakan di kedai di dalam kampus, termasuk kedai makan bagi memastikan tidak membebankan mahasiswa.

“Jika kedai di dalam kampus mengenakan harga melebihi had ditetapkan atau kami menerima aduan daripada pelajar harga mahal yang apabila disiasat ternyata benar, pihak universiti akan memberi amaran dan mereka

berkemungkinan diminta menghentikan perkhidmatan.

“Di universiti, pelajar disaran membabitkan diri dengan bidang keusahawanan, malah mereka turut disediakan tapak gerai jualan setiap kali penganjuran acara untuk menggalakkan mereka berniaga,” katanya.

Prof Mohammad Shatar berkata, universiti di negara ini juga rata-rata memiliki unit kebajikan yang menyediakan bantuan kepada pelajar sukar yang memohon, termasuk daripada aspek kewangan melalui tabung kebajikan khas.